

24/06/1997

Bumiputera perlu bekerja lebih keras

Razali Zakaria

APA yang perlu difahami ialah jumlah Bumiputera di luar bandar jauh lebih tinggi berbanding di bandar. Dengan pendapatan yang rendah, mereka pasti mengalami kepayahan untuk menyertai alam siber dan MSC atau mungkin hanya mampu melihat dari jauh.

Berdasarkan Buku Maklumat Perangkaan 1997 terbaru terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah kasar bulanan bagi Bumiputera luar bandar ialah RM828 sebulan pada 1989 dan RM1,180 (1995). Purata kadar pertumbuhan tahunan pendapatan Bumiputera luar bandar ialah 6.1 peratus.

Berbanding purata pendapatan Bumiputera di bandar ialah RM1,332 pada 1989 dan RM2,162 (1995) sebulan. Sementara purata kadar pertumbuhan tahunannya ialah 8.4 peratus.

Pada muka surat 34 buku itu, tercatat Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Mengikut Kumpulan Etnik dan Strata Malaysia 1989 dan 1995 seperti berikut:

Pendapatan isi rumah kasar bulanan, purata Bumiputera ialah RM940 bagi 1989 dan RM1,600 (1995). Kadar pertumbuhan tahunan purata 1989-1995 ialah 9.3 peratus.

Walaupun, perangkaan itu dibuat secara kasar dan mengikut kumpulan etnik, yang pasti ia menunjukkan Bumiputera adalah penduduk paling ramai iaitu 12.524 juta, Cina (5.445 juta) dan India (1.541 juta), tetapi penyata itu membayangkan masyarakat Bumiputera masih ketinggalan dari segi pendapatan bulanan isi rumah, berbanding etnik lain.

Namun, perangkaan itu tidak boleh dijadikan pengukur dan merumuskan Bumiputera semakin ketinggalan di belakang kaum Cina dan India. Lonjakan kadar pertumbuhan perolehan tahunan jika dibandingkan pada 1989 dan 1995 sebanyak 9.3 peratus itu menunjukkan Bumiputera semakin berusaha untuk menambah pendapatan isi rumah.

Ini turut diakui pensyarah Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Chamhuri Siwar yang berpendapat peningkatan pendapatan Bumiputera di bandar dan luar bandar menunjukkan petanda baik.

"Berdasarkan nisbah dan jurang perbezaan yang dikira daripada angka yang terdapat dalam buku itu, ternyata pendapatan Bumiputera meningkat melebihi inflasi dan ini memberi kesan baik.

"Jika nisbah dan jurang perbezaan pendapatan bulanan adalah sama atau kurang daripada inflasi ini akan menimbulkan masalah kerana sebahagian pertumbuhan itu hilang kepada inflasi," katanya.

Namun, menurutnya, nisbah pendapatan Bumiputera bandar dan luar bandar turut meningkat iaitu 1.6 peratus pada 1989 kepada 1.8 peratus.

Nisbah itu diperolehi menerusi pengiraan pendapatan Bumiputera bandar pada 1989 sebanyak RM1,332 sebulan dibahagikan dengan pendapatan Bumiputera luar bandar pada 1989 sebanyak RM828. Begitu juga kiraan untuk mendapatkan nisbah bagi 1995.

Buku itu turut mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata kaum Cina ialah RM1,631 (1989) dan RM2,895 (1995). Kadar pertumbuhan tahunan purata 1989-1995 bagi masyarakat itu ialah 10 peratus.

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata kaum India pula ialah RM1,209 (1989) dan RM2,153 (1995). Kadar pertumbuhan tahunan purata 1989-1995 bagi masyarakat itu ialah 10.1 peratus. Bagi kaum lain ialah RM955 (1989) dan RM1,274 (1995). Kadar pertumbuhannya ialah 4.9 peratus setahun.

Malah, masyarakat India yang menjadi kumpulan etnik minoriti kini mula

memintas kaum Cina dari segi kadar pertumbuhan tahunan purata seperti yang tercatat di atas, walaupun pendapatan isi rumahnya kurang RM742 sebulan.

Di tangga kedua ialah masyarakat India dengan pendapatan RM1,518 pada 1989 dan RM2,438 (1995) di bandar serta RM990 (1998) dan RM1,497 (1995) di luar bandar. Pertumbuhan tahunannya ialah 8.2 peratus di bandar dan 7.1 peratus di luar bandar.

Purata pendapatan isi rumah kaum Cina di bandar pula adalah yang tertinggi iaitu RM1,864 (1989) dan RM3,152 sebulan (1995). Bagi luar bandar pula ialah RM1,377 (1989) dan RM2,019 (1995). Purata pertumbuhan tahunannya ialah 9.1 peratus (bandar) dan 6.6 peratus (luar bandar).

Profesor Chamhuri berpendapat Bumiputera akan kekal di tangga ketiga dari segi pendapatan purata isi rumah jika sesuatu tidak dilakukan. Beliau mencadangkan kerajaan memberi tumpuan membangunkan kawasan luar bandar dengan memperbanyakkan kemudahan asas serta membawa industri ke situ supaya Bumiputera luar bandar boleh mengambil kesempatan menambah pendapatan.

"Kemudahan yang disediakan di luar bandar perlu juga dihubungkan terus ke bandar, seperti lebuh raya dan perkhidmatan pengangkutan," katanya. Beliau berpendapat agak mustahil dengan pendapatan RM1,180 sebulan seisi rumah, Bumiputera luar bandar mampu menyertai alam siber dan MSC serta Teknologi Maklumat (IT).

Dengan pendapatan RM1,180 seisi keluarga adakah mencukupi bagi mereka untuk membeli komputer dan membayar bil penggunaan E-mail atau Internet. Jika sesuatu tidak dilakukan, pastinya Bumiputera luar bandar itu tidak dapat turut serta menikmati MSC.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera sempena 50 tahun Umno April lalu menegaskan pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam semua bidang pada masa ini jauh lebih baik daripada yang dijangka kerana potensi serta kebolehan tinggi.

"Hari ini di Malaysia, kita dapati pencapaian orang Melayu dan Bumiputera jauh lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Kita tidak percaya bahawa kita boleh melihat kejayaan ini.

"Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dibuat kerana negara sedang memasuki era teknologi maklumat. Kita ada potensi dan kebolehan untuk mencapai kejayaan seperti orang lain jika sanggup bekerja keras," katanya.

Menurutnya, semangat dan pendirian orang Melayu sebelum merdeka sangat lemah dan tidak yakin boleh maju, sebaliknya lebih rela terus di bawah pemerintahan penjajah.

Dr Mahathir yakin dengan kesedaran itu Bumiputera akan mampu menghadapi cabaran alaf akan datang dengan hati lebih tenang kerana masih banyak cabaran perlu dilalui dan pembangunan yang perlu dilaksanakan terutama era teknologi maklumat.

Dalam ekspo itu lebih 130 syarikat dan institusi Bumiputera dalam 11 sektor, termasuk pertanian, perkapalan dan maritim, petrokimia, penerbangan, pendidikan, telekomunikasi, kewangan dan automotif, menyertainya.

Tetapi, dalam kerajaan terus berusaha memperkenalkan pelbagai program, termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Industri Kecil Sederhana (IKS), Bumiputera luar bandar juga perlu sedar. Kadar kemiskinan di negara ini berkurangan dengan ketara daripada 42.4 peratus pada 1976 kepada 13.5 peratus pada 1993. Sejajar dengan itu, kadar kemiskinan golongan termiskin turut berkurangan dari 19.6 peratus pada 1976 kepada tiga peratus pada 1993.

Penurunan ketara ini mencerminkan kemajuan dalam pembasmian kemiskinan. Purata pendapatan bukan isi rumah di negara ini berdasarkan harga semasa pada keseluruhannya bertambah. Buku perangkaan itu juga mencatatkan

bilangan ahli profesional berdaftar pada 1994 (lihat carta).

Perangkaan yang dicatatkan di atas perlu dijadikan cabaran kepada Bumiputera.

Oleh itu, Bumiputera khususnya di luar bandar tidak sepatutnya berbangga dengan kejayaan Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad di sektor automatif dan pengangkutan jalan atau Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah dan Datuk Effendi Norwawi (pembangunan hartanah).

Bumiputera tidak seharusnya membiarkan Tan Sri Shamsudin Abdul Kadir di sektor telekomunikasi; Tan Sri Halim Saad dan Datuk Jaafar Abdul Hamid (infrastruktur/lebuhraya); Tan Sri Abdul Rashid Hussain (keuangan); Tan Sri Tajudin Ramli (penerbangan); Datuk Halim Mazmin (perkapalan) serta Datuk Hassan Merican (petroleum/petrokimia), bergerak sendirian.

Begitu juga, Bumiputera tidak seharusnya bangga dengan pencapaian 130 syarikat Bumiputera dalam 11 bidang, sedangkan bilangan ahli profesional yang berdaftar mengikut kumpulan etnik 1994 masih menunjukkan Bumiputera ketinggalan.

Sebaliknya, Bumiputera perlu bekerja lebih kuat untuk membuktikan kepada masyarakat lain bahawa mereka bukan saja berpeluk tubuh menunggu rancangan dan bantuan kerajaan, sebaliknya kejayaan dicapai menerusi iltizam, komitmen dan kesedaran yang berasaskan kesengsaraan zaman sebelum merdeka.

(END)